

BAYAN SERINDIT
Blue-crowned Hanging Parrot

FAMILI: Psittacidae
NAMA SAINTIFIK: *Loriculus galgulus*



CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa menyerupai spesies Bayan Rambai, *Loriculus vernalis*, tetapi mempunyai bulu yang lebih hijau serta terdapat tompokan berwarna biru gelap pada bahagian atas kepala serta terdapat bentuk pelana yang berwarna keemasan pada bahagian belakang tengkuk serta terdapat jalur merentasi bahagian bawah belakang badan yang berwarna kuning keemasan. Pada bahagian atas rengkong, terdapat tompokan yang berwarna merah manakala bahagian paruh pula berwarna hitam. Ia mempunyai bahagian mata yang berwarna coklat ke warna kelabu serta bahagian kaki yang berwarna coklat kekelabuan ke warna kekuningan. Bagi individu betina dewasa pula, ia mempunyai bahagian bulu yang lebih pudar serta warna merah pada bahagian atas rengkong adalah kurang. Tompokan pada bahagian atas kepala dan belakang tengkuk kurang jelas kelihatan. Tompokan pada belakang badan berwarna keemasan manakala warna merah pada bahagian bawah badan kurang jelas. Individu menyerupai kedua-dua individu dewasa tetapi bahagian atas belakang badan berwarna hijau manakala warna biru pada bahagian atas kepala lebih pudar serta warna keemasan pada bahagian bawah belakang badan kurang jelas kelihatan. Bahagian paruh berwarna kuning ke warna hitam yang kotor serta terdapat warna kuning pada bahagian hujungnya. Bahagian kaki pula berwarna kuning pudar. Terdapat tompokan berwarna keemasan pada bahagian bawah belakang badan manakala bahagian bawah badan sedikit berwarna gelap.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 12.0 sm-14.5 sm. Berat 22 g-35 g.

MAKANAN

Buah-buahan, bijian, tunas tumbuhan, nektar dan bunga.

HABITAT

Dijumpai di kawasan hutan dipterokap, kawasan yang diluaskan, kawasan pertanian serta di kawasan hutan paya bakau, pada ketinggian sehingga ke 1,280 m dari aras laut.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi *tsi* atau *tsrri* yang tinggi dan kadangkala ia mengeluarkan bunyi *tsi-tsi-tsi*.

TABIAT

Spesies ini suka hinggap secara terbalik.

PEMBIAKAN

Membangkit pada bulan Februari hingga Jun. Sarang dibina di dalam lubang pada pokok atau batang kayu yang tumbang pada ketinggian sehingga ke 7.6 m dari aras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 3-4 biji berwarna putih yang pudar berukuran kira-kira 18 X 15 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.